



LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

- 1) (a) Jawatan : **PEKERJA AM (OPERASI)**
(3 Jawatan)

(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Lembaga Pembangunan Langkawi

(c) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana

(d) Bayaran Perkhidmatan : RM1,400.00
- 2) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR); dan
 - (c) Kepujian Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat PT3/ PMR.
 - (d) Lelaki sahaja dan berumur dalam lingkungan 30 tahun hingga 45 tahun;
 - (e) Boleh bekerja syif; dan
 - (f) Tempat bekerja sepenuhnya di Jeti Pelancongan Kuah, Langkawi
- 3) Taraf Jawatan : **CONTRACT FOR SERVICE**
- 4) Fungsi bidang tugas :
 - a) Membantu melaksanakan kerja kemasukan data (*data entry*) bagi bilangan bot pelancong dan bot penambang di premis setiap hari
 - b) Membantu menguruskan penghantaran surat/dokumen kepada penyewa dan pengguna di premis

- c) Membantu menjalankan aktiviti pemantauan dan menyediakan laporan pemantauan bagi pengoperasian premis
- d) Membantu menyediakan memo-memo pentadbiran di premis
- e) Membantu menyelaras borang dan laporan kerosakan di premis
- f) Membantu menyelaraskan lawatan tapak bersama pegawai LADA/penyewa/penganjur/pihak yang terlibat di premis

5) Panduan/Cara Memohon

(5.1) Borang-borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat <https://www.lada.gov.my/jawatan-kosong/>

a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:-

- (i) Kad Pengenalan;
- (ii) Sijil Kelahiran;
- (iii) Sijil Berhenti Sekolah;
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- (v) Lain-lain sijil yang berkaitan (kurikulum & kokurikulum).

(5.2) Setiap permohonan mestilah ditulis (NAMA JAWATAN YANG DIPOHON) di bahagian atas sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Tingkat 3, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
(u.p. Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan)

- 6) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.

7) Permohonan yang ditolak:

(7.1) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;

(7.2) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan (salinan kad pengenalan, sijil lahir dan salinan sijil-sijil yang berkaitan);

(7.3) Tidak lengkap dan tidak terang;

(7.4) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;

(7.5) Tidak menandatangani borang permohonan; dan

(7.6) Mengemukakan maklumat palsu.

8) Tarikh tutup permohonan ialah pada **15 September 2021**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.